

Chloramphenicol (0.5% w/v)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Nicol
2. Bagaimana Nicol berfungsi
3. Sebelum menggunakan Nicol
4. Cara menggunakan Nicol
5. Semasa menggunakan Nicol
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Nicol
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Nicol

Nicol digunakan untuk merawat jangkitan mata seperti konjunktivitis bakteria (jangkitan bakteria yang melibatkan membran mucus di permukaan mata), blepharitis (keradangan kelopak mata yang disebabkan oleh jangkitan kelopak mata bakteria), keratitis (keradangan kornea) dan trakoma (penyakit radang mata yang menyebabkan kebutaan).

Simptom yang paling biasa bagi jangkitan ini ialah discaj berwarna putih kekuningan bersama lendiran (atau kelopak mata melekat, terutama pada waktu bangun pagi)

Lain-lain simptom termasuk rasa berkersik pada mata, kemerah-merahan, iritasi dan berair pada mata. Jangkitan ini biasa bermula pada sebelah mata dan akan berjangkit pada sebelah mata lagi.

Doktor anda mungkin mempreskripsikan Nicol untuk tujuan lain. Tanya doktor anda sekiranya anda mempunyai sebarang persoalan tentang sebab Nicol dipreskripsikan kepada anda.

## Bagaimana Nicol berfungsi

Ubat ini mengandungi chloramphenicol sebagai bahan utama.

Chloramphenicol adalah antibiotik yang digunakan secara meluas terhadap bakteria penyebab

penyakit dengan menghalang pembiakan bakteria.

## Sebelum menggunakan Nicol

### - Bila tidak boleh menggunakan

Jangan menggunakan Nicol jika anda hipersensitiviti dengan:

- Chloramphenicol
- Depresi sum-sum tulang.
- Mana-mana bahan lain yang tersenarai diujung risalah ini.

Antara simptom alahan pada ubat titis Nicol ialah iritasi, rasa sakit dan bengkak pada mata. Ruam kulit, melepuh dan demam juga mungkin berlaku.

Jangan menggunakan ubat ini selepas tarikh luput pada pek ini. Jika anda mengambil ubat ini selepas tarikh luputnya, ia tidak akan berfungsi dengan baik.

Jangan menggunakan Nicol jika pembungkusan koyak atau terdapat tanda salahguna.

Jangan berikan Nicol pada kanak-kanak dibawah umur 2 tahun kecuali diatas arahan doktor atau ahli optik anda.

## Mengandung dan menyusukan anak

Jangan ambil Nicol jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.

Jangan ambil Nicol jika anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

### - Sebelum menggunakan Nicol

Anda perlu memaklumkan kepada doktor atau ahli optik anda, jika:

- Alah kepada mana-mana ubat atau makanan, pewarna atau pengawet.
- Anda mempunyai sebarang masalah keadaan/kesihatan yang tertentu.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubatan mungkin akan mengganggu kesan Nicol. Ini termasuk lain-lain ubat titis mata dan salap mata.

Ubatan ini mungkin akan mengurangkan keberkesanan Nicol, atau mengurangkan keberkesanan ubat itu sendiri dan/atau bertindak balas terhadap Nicol, yang mana mungkin akan mengakibatkan kesan sampingan yang tidak diinginkan atau berbahaya.

Doktor, ahli farmasi atau ahli optik anda mempunyai lebih maklumat mengenai ubatan yang perlu diberi perhatian atau perlu dielakkan semasa menggunakan Nicol.

## Cara menggunakan Nicol

Patuhi semua arahan yang diberikan oleh doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti.

Arahan-arahan ini mungkin berbeza daripada informasi yang terkandung dalam risalah ini.

Sekiranya anda tidak faham arahan pada pek, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

### - Berapa banyak harus digunakan

Sukatan dos bagi Nicol mungkin berbeza bagi setiap orang dan keadaan medical mereka. Doktor atau ahli optik anda akan mencadangkan dos yang sesuai untuk anda.

### Dos yang dicadangkan

Titiskan 1 atau 2 titik ubat titis Nicol pada kawasan yang dijangkiti, setiap 1 atau 2 jam, kemudian perlahan-lahan jarakkan masa antara titisan. Atau gunakan seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli optik anda.

- Bila perlu digunakan

Guna ubat anda seperti yang diarahkan oleh doktor.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan Nicol seperti yang diarahkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda fikir anda atau orang lain terambil dos berlebihan.

Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa.

Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

**Semasa menggunakan Nicol**

- Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang sedang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Nicol.

Jika anda hamil semasa anda mengambil Nicol beritahu doktor anda dengan segera.

Jika anda akan mula mengambil sebarang ubat baru, beritahu doktor dan ahli farmasi anda bahawa anda sedang menggunakan Nicol.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan gunakan Nicol lebih lama daripada jangka masa yang diarahkan oleh doktor, ahli optik atau ahli farmasi anda.

Jangan menambahkan dos, tanpa merujuk kepada doktor, ahli optik atau ahli farmasi anda terlebih dahulu,

Jangan menggunakan Nicol untuk merawat sebarang masalah lain melainkan diarah oleh doktor anda.

Jangan beri ubat anda kepada orang lain, walaupun mereka mengalami keadaan yang sama seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati apabila memandu atau mengendalikan mesin sehingga anda tahu bagaimana Nicol mempengaruhi anda.

**Kesan Sampingan**

Semua ubat boleh membawa kesan sampingan. Kadang kala kesan sampingan ini serius, tetapi selalunya tidak.

Minta nasihat doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai sebarang kebimbangan mengenai kesan mengambil ubat ini.

Jangan khuatir dengan senarai ini. Anda mungkin tidak mengalami sebarang kesan sampingan tersebut.

Maklumkan doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami simptom berikut:

- Sakit dalam mata dengan rasa gatal-gatal dan pedih.

Beritahu doktor anda jika anda mendapati apa-apa yang membuatkan anda rasa tidak sihat. Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin berlaku di kalangan sesetengah orang.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web [npra.gov.my](http://npra.gov.my) [Consumers Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)]

**Cara penyimpanan dan pelupusan Nicol.**

- Penyimpanan

- Simpan Nicol di dalam peti sejuk dimana suhunya tetap di antara 2<sup>o</sup>-8<sup>o</sup>C sehingga dibuka.
- Jangan bekukan ubat ini.
- Buang 4 minggu selepas dibuka.
- Jauhi dari cahaya terik.

Jangan simpan Nicol atau ubat lain dalam bilik mandi atau dekat sinki.

Jangan tinggalkan ubat di atas unjuran tapak tingkap atau dalam kereta.

Haba dan kelembapan boleh merosakkan sesetengah ubat.

Simpan di tempat yang tidak boleh dicapai oleh kanak-kanak.

Almari yang berkunci sekurang-kurangnya satu setengah meter dari aras lantai ialah tempat yang sesuai untuk menyimpan ubat.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

**Maklumat lanjut**

- Rupa dan warna produk

Ubat titis mata Nicol adalah cecair tidak berwarna dan tidak berbau.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Ubat titis mata Nicol  
mengandungi bahan aktif:  
Chloramphenicol 0.5%

- Bahan tidak aktif

- Macrogol 400  
(Polyethylene Glycol  
400mg)
- Benzalkonium Chloride  
Solution 50%
- Cremophor RH 40
- Boric Acid
- Borax

- MAL number

MAL 10110022ACZ

**Pengilang**

Duopharma (M) Sdn. Bhd  
Lot. 2599, Jalan Seruling 59,  
Kawasan 3, Taman Klang Jaya,  
41200 Klang, Selangor Darul  
Ehsan, Malaysia.

**Pemegang Pendaftaran Produk**

Duopharma (M) Sdn. Bhd  
Lot. 2599, Jalan Seruling 59,  
Kawasan 3, Taman Klang Jaya,  
41200 Klang, Selangor Darul  
Ehsan, Malaysia

**Tarikh kemaskini RiMUP**

03/01/2022

**Nombor siri:**

NPRA (R4/1)080219/00033